



15 Mac 2023

PENUKARAN AKAUN SEDIA ADA BERASASKAN BUKU SIMPANAN DAN BERASASKAN PENYATA KEPADA E-PENYATA UNTUK AKAUN INDIVIDU DAN AKAUN PEMILIKAN TUNGGAL (“PENUKARAN”)

Pelanggan yang dihargai,

Kami ingin memaklumkan mengenai cara penerimaan penyata akaun anda pada masa akan datang. Dalam usaha kami untuk menyediakan pengalaman perbankan yang lebih cekap dan mudah, kami akan menukar penyata berasaskan buku akaun simpanan/ berasaskan penyata anda kepada akaun berasaskan e-Penyata, yang boleh diakses melalui “M JOURNEY Individual Online Banking” kami.

Perubahan ini akan membolehkan anda melihat dan memuat turun penyata akaun anda dengan mudah dari mana-mana, pada bila-bila masa, tanpa perlu melawat cawangan kami atau menunggu penyata kertas melalui mel.

Kami ingin memberi jaminan bahawa Penukaran ini akan dilakukan tanpa sebarang kos kepada anda dan berikut adalah beberapa perkara penting berkenaan Penukaran tersebut:

- Hanya untuk akaun individu dan akaun pemilikan tunggal sahaja
- Hanya untuk Akaun Semasa-i, Akaun Simpanan-i dan Deposit Bertempoh-i
- Nombor akaun dan nombor akaun kumpulan anda akan kekal selepas Penukaran.
- Buku akaun simpanan anda (jika ada) tidak lagi sah selepas Penukaran.
- Tiada penyata akan dicetak.
- Tiada perubahan terhadap kekerapan penyata.
- Anda boleh meminta penyata kertas di kaunter Bank tertakluk kepada fi dan caj seperti yang telah ditetapkan oleh Bank. Sila rujuk laman web MBSB Bank untuk fi dan caj.
- Pelanggan OKU, warga emas dan tanpa akses internet akan mempunyai pilihan untuk menerima penyata kertas atas permintaan.
- Penukaran ini akan dilakukan selepas 60 hari daripada tarikh notis ini.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi Pusat Khidmat Pelanggan kami di 03-2096 3000 atau emel ke enquiry@mbsbbank.com.

Terima kasih untuk kepercayaan dan sokongan berterusan anda kepada MBSB Bank.